

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [ SANDAKAN ]**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [ SANDAKAN ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- (a) apakah tindakan Kementerian untuk mengendalikan pesakit dibawah jagaan Klinik Pakar semasa penutupan operasi Klinik Pakar akibat penularan wabak COVID -19 di Sabah khususnya Sandakan; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk menghantar pesakit mendapatkan rawatan di hospital swasta bagi kes kritikal.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Walaupun negeri Sabah mencatatkan bilangan kes positif COVID-19 yang agak tinggi, Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus komited memberikan rawatan kepada pesakit-pesakit di semua fasiliti perkhidmatan kesihatan termasuklah Klinik Pakar dan di Hospital Duchess of Kent, Sandakan.

2. Klinik Pakar di hospital KKM **tetap beroperasi** dalam keadaan norma baharu dengan pematuhan SOP yang ditetapkan seperti mengikut kapasiti yang dibenarkan sewaktu pandemik ini. Antara langkah yang diambil untuk mengendalikan klinik ini adalah seperti:

## SOALAN NO : 41

- a) Perkhidmatan secara maya, termasuk '*virtual clinic*' telah dimulakan dan akan diperluaskan di beberapa hospital serta klinik kesihatan;
- b) Menghubungi pesakit melalui telefon atau khidmat pesanan ringkas untuk memberikan tarikh temujanji baru kepada pesakit;
- c) Perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP) bagi membekalkan ubat susulan terus ke lokasi pilihan pesakit melalui pos;
- d) Pengoperasian Jabatan Farmasi seperti biasa di mana pesakit atau waris masih boleh mengambil ubat seperti biasa;
- e) Pengambilan darah masih diteruskan untuk pesakit yang memerlukan perkhidmatan *Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC) Warfarin*; dan
- f) Pesakit yang memerlukan rawatan susulan segera akan dihubungi untuk hadir ke Jabatan Kecemasan dan Trauma dan akan dilihat oleh Pegawai Perubatan atas panggilan dari disiplin masing-masing untuk memastikan pesakit mendapat rawatan secara berterusan.

3. Di samping itu, melalui Hospital Kluster juga, perkhidmatan kesihatan di Sabah sewaktu pandemik telah dipertingkatkan dengan koordinasi dan mengoptimumkan semua sumber yang ada. Semua tindakan ini dilaksanakan bertujuan memastikan pesakit di Sabah diberikan perkhidmatan kesihatan yang baik.

**Tuan Yang di-Pertua,**

4. Bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan dan rawatan kepada pesakit bukan COVID-19 tidak terjejas, KKM telah mengadakan kerjasama dengan perkhidmatan kesihatan swasta melalui penyumberluaran perkhidmatan klinikal. Terdapat enam (6) buah hospital di Sabah yang terlibat dengan penyumberluaran perkhidmatan

perubatan ke 7 buah hospital swasta di Sabah yang meliputi disiplin-disiplin berikut:

- a) *Paediatric Cardiology*
- b) *Paediatric Surgery*
- c) *Vascular Surgery*
- d) *Gynaecology*
- e) *Hepatobiliary Surgery*
- f) *Orthopedic*
- g) *Urology*
- h) *Cardiology*
- i) *Ophthalmology*
- j) *Cardiothoracic Surgery*
- k) *Neurosurgery*
- l) *Radiology*

5. Sebanyak 1151 kes pembedahan dan prosedur telah dikenalpasti untuk dijalankan oleh hospital swasta terlibat. Proses penyumberluaran ini dijalankan secara berperingkat mengikut keperluan dan kemampuan semasa kementerian, berdasarkan kriteria kes yang telah dipersetujui di antara pihak KKM dan pihak swasta. Setakat 12 November 2020, sebanyak 276 kes (24%) dari 1151 kes seperti Vascular Surgery, Radiology, Ophthalmology dan Gynaecology telah dilaksanakan di hospital swasta. Nilai yang telah dibelanjakan setakat ini adalah RM 1,131,844.32

Sekian, terima kasih